

# PENUBUHAN SMITA



PENUBUHAN **SEKOLAH MENENGAH ISLAM TAHFIZ AL-AMIN (SMITA)** ADALAH **SATU USAHA PENDIDIKAN** OLEH SEBUAH SYARIKAT, **PERSADA MESRA SDN BHD** (948920-H) YANG TIDAK BERMOTIFKAN KEUNTUNGAN. PERSADA MESRA SDN BHD TELAH MELANTIK **JEMAAH PENGURUSAN** SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH ENAKMEN KAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA RAKYAT 1996 NEGERI PERAK. JEMAAH PENGURUSAN ADALAH **BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEGALA HALATUJU, DASAR DAN PERJALANAN HARIAN SMITA.**

**TUJUAN SMITA** DITUBUHKAN IALAH UNTUK **MELAHIRKAN GENERASI MUSLIM** YANG **BERTAQWA, BERAKHLAK MULIA, BERFIKIRAN TERBUKA DAN BERJIWA TAJDID.** SMITA BERCITA-CITA DAN MERANCANG UNTUK MENYEDIAKAN LANDASAN YANG BETUL BAGI PARA PELAJAR **MELANJUTKAN PELAJARAN DALAM PELBAGAI BIDANG PENGKHUSUSAN AGAMA DAN AKADEMIK.** PELUANG JUGA AKAN DIBUKA LUAS UNTUK PARA PELAJAR YANG BERMINAT DALAM BIDANG PROFESSIONAL SEPERTI PERUBATAN, KEJURUTERAAN, SENIBINA DAN SEUMPAMANYA.

DALAM MASA YANG SAMA MEREKA JUGA AKAN DIPASTIKAN SUPAYA SENTIASA **PEKA KEPADA TANGGUNGJAWAB ASASI SEBAGAI KHALIFAH ALLAH** DAN BERGERAK AKTIF DALAM USAHA-USAHA MEMPERBAIKI KEADAAN UMMAH. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI SMITA AKAN MENGGUNAKAN **PENDEKATAN PENDIDIKAN PINTAR YANG MENEKANKAN KEFAHAMAN, PEMIKIRAN DAN KOMUNIKASI DUA HALA DI ANTARA GURU DAN PELAJAR** DAN DI ANTARA SESAMA PELAJAR DALAM SEMUA MATA PELAJARAN TERMASUK AGAMA DAN AKADEMIK.

PELAJAR AKAN DIGALAKKAN UNTUK **MEMPERLUASKAN SKOP BACAANNYA** SUPAYA TIDAK HANYA TERIKAT DENGAN BUKU-BUKU TEKS SAHAJA. KEMUDIAN MEREKA DIKEHENDAKI UNTUK MENERANGKANNYA DI DALAM KELAS. PEMAHAMAN MEREKA BOLEH

DIKRITIK ATAU DISANGKAL OLEH PELAJAR-PELAJAR YANG LAIN. DENGAN DEMIKIAN MEREKA **AKAN TERBIASA MEMBACA, BERFIKIR DAN BERKOMUNIKASI**, BERBANDING DENGAN HANYA MENUNGGU INPUT YANG DISEDIAKAN OLEH GURU-GURU.

PENDEKATAN YANG SAMA AKAN DIAPLIKASI JUGA DALAM MATA PELAJARAN DINIAH DAN AKADEMIK BERBANDING DENGAN KEBIASAAN MENGHAFAZ SEMATA-MATA. MATA PELAJARAN AQIDAH, Fiqh DAN AKHLAK AKAN **DIULAS DENGAN MERUJUK KEPADA PEMAHAMAN AYAT-AYAT QURAN DAN HADIS-HADIS YANG BERKAITAN.**

PENGUASAAN **BERBAHASA ARAB DAN INGGERIS** AKAN MENJADI **TUMPUAN** KHUSUS BAGI MEMANTAPKAN KEFAHAMAN ISLAM PARA PELAJAR DAN MEMBANTU MEREKA MENGHARUNGI REALITI KEHIDUPAN DUNIA MODEN YANG SERBA MENCABAR INI. PARA PELAJAR PERLU SENTIASA DIINGATKAN TENTANG KEMUNDURAN DAN KELEMAHAN UMAT ISLAM HARI INI DAN **KEWAJIPAN SETIAP MUSLIM** UNTUK **MEMBANTU MEMPERBAIKI KEADAAN** ITU.

DENGAN PENDEKATAN YANG SEBEGINI DAN DENGAN SENTIASA MEMOHON BANTUAN ALLAH, KAMI MEYAKINI SMITA AKAN MENGELUARKAN SEJUMLAH MUSLIM PROFESIONAL SERTA CERDIK YANG AKAN BERPERANAN SECARA AKTIF DALAM MEMBELA UMAT. IN SYA ALLAH.